

## SOALAN LAZIM PENJADUALAN SEMULA

<b>1</b>	<p><b>Apakah objektif Penjadualan Semula?</b></p> <p>Objektif Penjadualan Semula adalah untuk membantu dan memberi sedikit kelegaan kepada pelanggan yang sedang menghadapi kekangan kewangan dalam meneruskan bayaran ansuran bulanan. Secara tidak langsung dapat mengurus kewangan dengan lebih baik sesuai dengan keadaan kewangan semasa.</p>										
<b>2</b>	<p><b>Apakah kesan/ akibat menyertai Penjadualan Semula?</b></p> <p>Penjadualan Semula boleh mengakibatkan baki pembiayaan akan menyusut pada kadar yang lebih perlahan berbanding jadual asal dan mungkin akan menyebabkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjadualan semula yang diluluskan tidak akan melibatkan perubahan kepada baki hutang, keuntungan biasa akan terus dikenakan dan terakru sepanjang tempoh lanjutan (jika berkenaan). Bagaimanapun jumlah keseluruhan tidak akan melebihi harga jualan yang ditetapkan dan/atau;</li> <li>• Jumlah keuntungan terakru bagi pembiayaan asal masih perlu dibayar. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan dikompaun; dan/atau</li> <li>• Bayaran seterusnya akan digunakan untuk menjelaskan baki keuntungan terakru terlebih dahulu. Selepas itu, agihan keuntungan dan prinsipal bagi bayaran bulanan akan kembali normal selepas selesai jumlah keuntungan terakru tersebut; dan/atau</li> <li>• Perlindungan takaful sedia ada tidak meliputi tempoh lanjutan pembiayaan selepas menyertai program ini (jika berkenaan). Pelanggan dinasihatkan untuk menghubungi syarikat takaful untuk maklumat lanjut.</li> </ul>										
<b>3</b>	<p><b>Dokumen yang diperlukan apabila ingin memohon penjadualan semula?</b></p> <p>Di dalam borang permohonan, pelanggan akan diminta untuk mengisytiharkan pendapatan &amp; perbelanjaan semasa, maklumat pekerjaan dan impak terhadap kewangan pelanggan.</p> <p>Sila lampirkan dokumen asas yang berkenaan bersama borang permohonan. Bank boleh meminta dokumen tambahan untuk menyokong permohonan ini (jika berkenaan).</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr> <th style="width: 50%; text-align: center;">BERMAJIKAN</th> <th style="width: 50%; text-align: center;">TIADA MAJIKAN / BEKERJA SENDIRI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">1) Salinan Kad Pengenalan, <b>dan</b></td> <td style="padding: 5px;">1) Salinan Kad Pengenalan, <b>dan</b></td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">2) Penyata Gaji, <b>dan</b></td> <td style="padding: 5px;">2) Sijil SSM / Akuan sumpah /Penyata pencen, <b>dan</b></td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">3) Dokumen sokongan (yang berkaitan)</td> <td style="padding: 5px;">3) Penyata Bank, <b>dan</b></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="padding: 5px;">4) Dokumen sokongan (yang berkaitan)</td> </tr> </tbody> </table> <p style="margin-top: 10px;">Contoh dokumen sokongan,tidak terhad kepada:  <i>Penyata pencen /Pendapatan pasangan/ Pendapatan sampingan/ Surat berhenti kerja /Penyata KWSP /Penyata Bank /Penyata EA@BE /Penyata kewangan diaudit atau lain-lain dokumen yang berkenaan.</i></p>	BERMAJIKAN	TIADA MAJIKAN / BEKERJA SENDIRI	1) Salinan Kad Pengenalan, <b>dan</b>	1) Salinan Kad Pengenalan, <b>dan</b>	2) Penyata Gaji, <b>dan</b>	2) Sijil SSM / Akuan sumpah /Penyata pencen, <b>dan</b>	3) Dokumen sokongan (yang berkaitan)	3) Penyata Bank, <b>dan</b>		4) Dokumen sokongan (yang berkaitan)
BERMAJIKAN	TIADA MAJIKAN / BEKERJA SENDIRI										
1) Salinan Kad Pengenalan, <b>dan</b>	1) Salinan Kad Pengenalan, <b>dan</b>										
2) Penyata Gaji, <b>dan</b>	2) Sijil SSM / Akuan sumpah /Penyata pencen, <b>dan</b>										
3) Dokumen sokongan (yang berkaitan)	3) Penyata Bank, <b>dan</b>										
	4) Dokumen sokongan (yang berkaitan)										

4	<p><b>Apakah kesan terhadap rekod CCRIS jika permohonan diluluskan?</b></p> <p>Akaun pembiayaan pelanggan akan diklasifikasikan sebagai Penjadualan Semula (C) di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) Bank Negara Malaysia. Kemaskini status akan dilakukan selepas bayaran ansuran diterima enam (6) bulan berturut-turut tanpa gagal.</p> <p>Pelanggan dinasihatkan untuk mematuhi jadual pembayaran yang telah ditetapkan agar rekod CCRIS dapat diperbaiki, tertakluk kepada polisi semasa yang ditetapkan oleh Bank.</p>
5	<p><b>Jika keadaan kewangan saya tidak terjejas, bolehkah saya membuat permohonan bagi penjadualan semula?</b></p> <p>Penjadualan semula disediakan untuk pelanggan yang terkesan untuk meneruskan ansuran bulanan semasa. Jika pelanggan tidak terjejas, dinasihatkan agar tidak memohon kerana ia boleh memberi impak kepada rekod CCRIS dan pertambahan kos pembiayaan.</p>
6	<p><b>Berapa lamakah tempoh untuk mengetahui keputusan permohonan?</b></p> <p>Pegawai Bank Rakyat akan menghubungi pelanggan memaklumkan keputusan permohonan melalui surat tawaran (bagi permohonan yang diluluskan) atau surat makluman permohonan tidak berjaya (bagi permohonan yang tidak diluluskan) dalam tempoh tujuh (7) hingga dua puluh satu (21) hari daripada tarikh permohonan lengkap diterima.</p> <p>Terma-terma pembayaran yang baharu akan dikemaskinikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh penerimaan surat tawaran penjadualan semula yang telah ditandatangani.</p>
7	<p><b>Adakah permohonan untuk penjadualan semula mempunyai sebarang had tempoh?</b></p> <p>Tiada. Kami akan mempertimbangkan semua permohonan yang memenuhi terma dan syarat.</p> <p>Sebagai alternatif, pelanggan boleh berhubung terus dengan pihak <b>Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)</b> bagi mendapatkan bantuan pembayaran selanjutnya. AKPK telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu.</p> <p>Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi ;</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>I. Pusat khidmat pelanggan Bank Rakyat di talian 1-300-80-5454 <i>atau</i></li> <li>II. e-mel ke <a href="mailto:telerakyat@bankrakyat.com.my">telerakyat@bankrakyat.com.my</a> <i>atau</i></li> <li>III. Kunjungi Susulan Berpusat /cawangan kami yang berhampiran.</li> </ol>